

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

AOP 300 - Pengurusan Personel

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: SATU soalan WAJIB dari Bahagian A dan TIGA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

Soalan WAJIB

1. "Tiap-tiap pekerja akan menghasilkan prestasi kerja yang berbeza. Maka ini bermakna jika ganjaran yang diberi mencerminkan nilai sebenar pekerja itu kepada organisasi (relative worth) ia adalah satu sistem ganjaran yang lebih tepat dan adil".  
Bincangkan kenyataan ini.

[25 markah]

BAHAGIAN B

Jawab TIGA soalan sahaja.

2. (a) Jika anda diberi pilihan diantara (i) \$100 - sebagai tambahan kepada gaji bulanan anda ataupun (ii) nilai faedah-faedah yang dibekalkan oleh organisasi kepada anda dinaikkan ke \$200 sebulan, yang manakah akan menjadi pilihan anda? Kenapa anda memilih pilihan itu?

...2/-

- (b) Pada pendapat anda kebanyakan pekerja akan memilih pilihan yang mana?
- (c) Apakah implikasi jawapan-jawapan anda kepada soalan 2(a) dan 2(b) kepada bidang pengurusan sumber tenaga manusia.

[25 markah]

3. (a) Pilih satu daripada jadual kerja yang disenaraikan.
- (i) 8 jam sehari, 5 hari seminggu
  - (ii) 10 jam sehari, 4 hari seminggu
  - (iii) 12 jam sehari, 3 hari seminggu
  - (iv) 10 jam sehari, 5 hari seminggu dan 5 hari cuti dengan gaji.

Beri penjelasan mengenai pilihan anda?

- (b) Dari pilihan anda mengenai jadualkerja diatas, adakah anda telah mengambilkira faktor "stress" kepada diri anda? Bincangkan cara-cara anda akan mengatasi masalah "stress" ini dan apakah cadangan-cadangan anda kepada organisasi untuk mengawal masalah ini dikalangan pekerja-pekerjanya.

[25 markah]

4. (a) Apakah faktor apakah yang akan diambilkira oleh anda sebelum anda menentukan prestasi seorang pekerja itu lemah? Bincangkan faktor-faktor itu.
- (b) Mengapakah matlamat sebegini amat penting kepada sebuah organisasi.

[25 markah]

...3/-

5. (a) Dua orang kerani dalam organisasi anda telah melapor diri 1 jam lambat selepas waktu rehat tengahari mereka. Semasa anda sedang berbincang dengan mereka mengenai hal ini, anda telah dapati bahawa kedua-dua kerani ini tidak dapat memberi penjelasan yang kukuh mengenai kelambatan mereka. Selepas disiasati anda mendapati bahawa kedua-dua kerani seringkali melapor diri lambat dalam 2 - 3 bulan kebelakangan ini, dan mereka berjudi semasa waktu rehat tengahari. Inilah yang membuat mereka lambat balik ke pejabat. Berikut adalah butir-butir mengenai kerani ini:-

Kerani A

-----

- (i) Telah berkhidmat selama 10 tahun dengan organisasi ini.
- (ii) Tidak ada masalah disiplin yang serius, sehingga kini.
- (iii) Prestasi kerjanya sederhana.
- (iv) Pada hujung tahun ini namanya telah disenaraikan ke jawatan kerani kanan.

Kerani B

-----

- (i) Telah berkhidmat selama 3 tahun dengan organisasi ini.
- (ii) Tidak ada masalah disiplin yang serius, sehingga kini - selain daripada teguran mengenai kesilapan-kesilapan kecil sahaja (berkaitan dengan tugasnya).
- (iii) Prestasi kerjanya baik dan telahpun menerima beberapa pujian dari ketua bahagiannya.
- (iv) Telah dipilih oleh ketua bahagiannya untuk menghadiri kursus lanjutan pada hujung tahun ini (iaitu satu prasyarat untuknya melangkah ke tangga gaji yang lebih tinggi).

...4/-

Anda sebagai pengurus sumber tenaga manusia dalam organisasi telahpun diarah untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin. Cadangan-cadangan anda akan dibincang oleh Pengurus-pengurus atasan sebelum mereka mengambil tindakan yang selanjutnya.

Jelaskan apakah cadangan dan tindakan anda.

- (b) Jika anda diarah menggubal satu polisi disiplin untuk sebuah organisasi. Topik-topik ataupun isu-isu apakah yang harus dipertimbangkan?

[25 markah]

---oooo000ooo---

2.84